



TEKS UCAPAN PERASMIAN

MAJLIS PERASMIAN RISSMART RISDA NEGERI PULAU PINANG

OLEH:

YBHG. TN. HJ. ROSELY BIN KUSIP

PENGERUSI RISDA

TEMPAT: RISSMART RISDA NEGERI PULAU PINANG,

SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG

TARIKH : 12 FEBRUARI 2019 (SELASA)

MASA : 10.00 PAGI

Ybhg. Dato' Wan Ahmad Shabri Zainuddin bin Wan Mohamad
Ketua Pengarah RISDA

Ybhg. En. Damanhuri bin Toha
Pengarah Bahagian Pembangunan Usahawan

YBrs. Pn. Siti Rosnani binti Mohd Jalil
Pengarah RISDA Negeri Pulau Pinang

Pengarah - Pengarah Bahagian/ Pengarah-Pengarah RISDA
Negeri

Tuan Hj. Rashid bin Ulong
Pengerusi Kelab Usahawan RISDA Pulau Pinang merangkap
“Anchor” RISSSMART Pulau Pinang

Para Pegawai dan Staf RISDA Negeri Pulau Pinang

Yang Dikasihi Para Usahawan/Pekebun Kecil RISDA

Rakan-rakan media

Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam
Sejahtera.

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi pujian dan kesyukuran ke Hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia, rahmat dan hidayahNya kita semua dapat berkumpul di RissMart RISDA Negeri Pulau Pinang, Kubang Menerong, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang ini bagi sama-sama menjayakan Majlis Perasmian RissMart RISDA Negeri Pulau Pinang. Saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan penghargaan dan jutaan terima Bahagian Pembangunan

Usahawan dan RISDA Pulau Pinang yang bersama – sama memastikan majlis ini dapat dilaksanakan dengan cemerlang.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

2. Sepertimana sedia maklum, RISDA merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi yang terlibat dengan penanaman semula getah dan bertanggungjawab untuk

membangunkan masyarakat pekebun kecil di negara ini. Selain daripada meningkatkan pendapatan pekebun kecil daripada hasil kebun, RISDA juga melaksanakan pelbagai usaha untuk meningkatkan pendapatan pekebun kecil dan pada hari ini, RISDA telah bergerak maju ke hadapan dengan pelbagai transformasi melalui program-program Keusahawanan untuk mensejahterakan pekebun kecil.

3. Sehingga kini, RISDA telah melahirkan seramai 16,436 orang usahawan di seluruh negara. Di negeri Pulau Pinang sahaja RISDA mempunyai seramai 368 orang usahawan dalam pelbagai bidang produk keusahawanan. Pada tahun ini, RISDA memperuntukan RM 27.2 juta untuk program Aktiviti Ekonomi Tambahan dan Keusahawanan untuk pekebun kecil seluruh Negara. Manakala di Pulau Pinang sejumlah RM 1,047,900.00

diperuntukan untuk usahawan negeri ini bergiat aktif dalam semua sektor keusahawanan di bawah bimbingan RISDA.

Hadirin dan hadirat sekalian,

4. Kita dapat perhatikan bahawa RISDA telah melaksanakan tanggungjawabnya dengan baik selama ini. RISDA adalah sebuah agensi kerajaan yang sangat dekat dengan orang kampung dan silaturrahim itu telah terjalin sekian lama ibarat sebuah keluarga yang sangat rapat. Tuan Puan pekebun kecil merupakan aset

Negara dan adalah tanggungjawab RISDA dan Kerajaan membantu orang kampung dan pekebun kecil dengan menyediakan pelbagai kemudahan dan peruntukan.

5. Justeru itu, program pembangunan keusahawanan dan aktiviti ekonomi yang dirangka RISDA pada tahun ini adalah usaha untuk meningkatkan kualiti hidup pekebun kecil selain bergantung daripada komoditi getah dan sawit sahaja. Saya lihat banyak persediaan untuk menyeimbangkan pendapatan dilaksanakan

RISDA agar pekebun kecil lebih selesa dengan memperoleh sumber pendapatan kedua. Usaha ini dapat dilihat melalui beberapa langkah dan inisiatif yang dilaksanakan oleh RISDA untuk aktiviti - aktiviti keusahawanan merangkumi bantuan Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET) maksimum RM 20,000 , pembangunan produk, pembangunan premis perniagaan, aktiviti pemasaran, pameran, promosi dan membina jaringan strategic dengan agensi berkaitan.

6. Bagi memastikan usahawan-usahawan RISDA terus bersaing, RISDA turut membantu usahawan menambah nilai produk dengan meningkatkan keupayaan untuk bersaing di pasaran tempatan atau pun antarabangsa. Usaha – usaha tersebut antaranya dengan memantapkan kemahiran, R&D dan inovasi, pembungkusan dan pelabelan serta persijilan. RISDA turut menyediakan platform bagi membantu usahawan memasarkan produk dengan menyediakan bantuan premis perniagaan. Ini dilaksanakan sama ada dengan bina baru, disewa

atau dibeli bangunan yang boleh digunakan sebagai premis perniagaan. Setakat ini RISDA telah membina 13 buah RISMART iaitu di Negeri Kelantan, Johor, Pahang, Perlis, Kedah, Perak, Negeri Sembilan, Terengganu, Kuala Lumpur dan di Pulau Pinang ini terdapat dua buah RisSMART iaitu di Bukit Mertajam dan di Seberang Perai.

7. Pada hari ini, RISSMART Seberang Perai bakal melebarkan perkhidmatannya dengan pelbagai produk yang diusahakan oleh usahawan RISDA. Saya percaya Tuan Hj. Rashid Ulong yang bertindak sebagai “anchor” RISSMART ini yang mempunyai pengalaman lebih 40 tahun dalam bidang perniagaan bakal mengembangkan pusat setempat ini dengan pelbagai perkhidmatan sekaligus bersama membantu RISDA meningkatkan pendapatan usahawan paling kurang RM 2500 / bulan / keluarga menjelang tahun 2020. InsyaAllah

Hadirin dan hadirat sekalian,

8. Lihatlah, dengan pelbagai usaha dan bantuan yang dimaklumkan tadi, kita dapat perhatikan bahawa RISDA telah melaksanakan tanggungjawabnya dengan cemerlang seiring dengan hasrat kerajaan yang diamanahkan. Adalah diharapkan melalui majlis pada hari ini, para usahawan akan dapat mengambil manfaat dalam semua aspek keusahawanan dan melangkah lebih

jauh lagi dalam bidang perusahaan masing-masing. Saya yakin dan memberi jaminan bahawa RISDA akan memberikan kerjasama yang terbaik dalam usaha untuk meningkatkan hasil perniagaan usahawan – usahawan di Negeri ini.

9. Akhir kata, saya merakamkan ucapan tahniah kepada usahawan – usahawan RISDA Negeri Pulau Pinang atas daya usaha dan kesungguhan dalam memartabatkan sektor keusahawanan dalam bidang masing – masing. Syabas kepada

Bahagian Pembangunan Usahawan dan RISDA Negeri Pulau Pinang atas dedikasi merealisasikan pembukaan RISSMART ini dan sekaligus memartabatkan produk – produk tempatan.

**Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya merasmikan
Rissmart Negeri Pulau Pinang.**

Sekian,

**Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh**

Terima Kasih